



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : PEREKRUTAN DAN PEMILIHAN
PEKERJA**

KOD KURSUS : DSM2143

PEPERIKSAAN : DISEMBER 2022

MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 14 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan.

Jawab semua soalan pada Kertas Jawapan.

1.

Dalam pasaran buruh, lelaki dan wanita sama-sama berperanan penting serta saling melengkapi. Walau bagaimanapun, disebalik peluang penyertaan kedua-dua jantina di pasaran buruh adalah sama. Statistik menunjukkan penyertaan lelaki jauh lebih tinggi hampir semua negara termasuk Malaysia.

Pada 2022, kadar penyertaan lelaki adalah 80.6% berbanding wanita (55.3%). Justeru, antara aspek memperkasakan wanita adalah dengan meningkatkan pembabitan wanita dalam pasaran buruh. Pada awal merdeka, kadar penyertaan wanita di pasaran buruh adalah 30.8%. Hasil usaha kerajaan dan pelbagai pihak berkaitan, ia meningkat setiap tahun.

Sumber: b.harian.com.my, 2 Oktober 2021

Petikan 1

Apakah usaha yang telah dimainkan oleh pihak kerajaan dalam merapatkan jurang perbezaan antara pekerja lelaki dan wanita dalam pasaran buruh negara?

- i. Mewujudkan masa kerja yang fleksibel.
- ii. Membina pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja.
- iii. Menyediakan subsidi penjagaan anak-anak kepada mereka yang layak.
- iv. Memberikan pengecualian cukai kepada majikan untuk menubuhkan pusat jagaan anak-anak.

- A i, ii dan iii
B ii, iii dan iv
C i, iii dan iv
D semua di atas

2. Apakah aspek yang perlu dititikberatkan oleh organisasi dalam melaksanakan keperluan ramalan sumber manusia?
- A Menekankan jangkaan keperluan sumber manusia.
 - B Membuat unjuran keperluan sebenar tenaga kerja pada masa hadapan.
 - C Menganalisis isu-isu berkaitan sumber manusia seperti kepakaran dan inovasi.
 - D Memastikan pelan perancangan yang dirancang mencakupi keperluan organisasi.
3. Manakah antara berikut merupakan tujuan perekrutan?
- A Memastikan terdapat padanan antara kos dan faedah.
 - B Bantu firma mencipta lebih banyak kerja yang pelbagai bidang.
 - C Perekrutan merupakan alternatif yang boleh dilakukan untuk membantu organisasi mendapatkan calon yang berkualiti.
 - D Bantu tingkatkan kadar kejayaan proses pemilihan dengan mengurangkan bilangan pemohon pekerjaan yang kurang berkelayakan atau melebihi pemohon yang layak.
4. Pasangan manakah yang benar tentang X dan Y?

	X	Y
A	Analisis regresi	Analisis ini menggunakan pemboleh berstruktur dan tidak berstruktur.
B	Jadual kakitangan	Keperluan sumber manusia ditentukan berdasarkan pengalaman dan pendidikan.
C	Carta penggantian	Digunakan dalam memegang jawatan pengurusan ke atas.
D	Ramalan pengurusan	Ramalan sumber manusia dibuat mengikut garisan tertentu.

5. Syarikat Harta Glove Sdn. Bhd. menyasarkan jualan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM1.5 juta sebulan. Namun begitu, bagi mengelakkan diri daripada menanggung kenaikan kos pengeluaran apabila kerajaan memperkenalkan pelaksanaan gaji minimum RM1,500, apakah strategi yang mungkin boleh digunakan oleh Harta Glove membantu mengurangkan tanggungan kos berkenaan?
- A Melaksanakan pemberhentian kerja.
 - B Mengurangkan pengambilan pekerja.
 - C Menyediakan mesin yang berteknologi tinggi.
 - D Memperkenalkan penggunaan teknologi yang terkini.

6.

ALOR STAR: Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Negeri Kedah mendakwa keperluan tenaga kerja asing dalam banyak sektor di negara ini semakin terdesak.

Sumber: utusan.com.my, 10 Mei 2022

Petikan 2

Berdasarkan petikan di atas, apakah yang menyebabkan keperluan terhadap pekerja asing begitu mendesak bagi mengisi kekosongan tenaga kerja dalam sektor tertentu?

- i. Pusing ganti yang tinggi dalam kalangan pekerja tempatan.
 - ii. Tiada garis masa yang jelas daripada pihak kerajaan terhadap permohonan pekerja asing.
 - iii. Proses permohonan dan kelulusan kepada Kementerian Sumber Manusia dalam pengambilan pekerja asing tidak berjalan lancar.
 - iv. Perubahan Prosedur Operasi Standard (SOP) tentang kemasukan pekerja asing dan syarat baharu tidak dimaklumkan kepada pihak majikan.
- A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv

7. Maklumat tentang pekerjaan dan tingkah laku yang diperlukan untuk melaksanakan kerja dikenali sebagai
- A aktiviti kerja.
 - B huraian kerja.
 - C analisis kerja.
 - D spesifikasi kerja.
8. Rajah di bawah menunjukkan proses melaksanakan analisis kerja.



Rajah 1

Antara berikut, manakah yang mewakili Z?

- i. Jaminan kerja.
 - ii. Maklumat kerja.
 - iii. Menentukan kerja.
 - iv. Memilih kerja.
- A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv

9. Encik Maulana telah diminta untuk memungut data analisis kerja. Namun begitu, beliau tidak pasti kaedah yang sesuai untuk digunakan dalam mendapatkan data berkenaan. Encik Maulana ingin menggunakan teknik yang cepat, pantas dan cekap untuk mendapat maklumat daripada pekerja yang ramai, serta data boleh dianalisis secara statistik.

Pernyataan 1

Berdasarkan pernyataan di atas apakah teknik yang boleh digunakan oleh Encik Maulana dalam memungut data analisis kerja?

- A Pemerhatian.
 - B Prestasi kerja.
 - C Analisis tugas.
 - D Kajian soal selidik.
10. _____ ialah ujian pemilihan yang menilai keupayaan emosi yang akan membantu dalam penilaian kerja berkumpulan.
- A Ujian psikomotor
 - B Ujian personaliti
 - C Ujian kecerdasan
 - D Ujian keupayaan mental
11. Manakah antara berikut **tidak** termasuk dalam kepentingan pemilihan pekerja kepada organisasi?
- A Perbelanjaan merekrut pekerja melibatkan kos yang tinggi.
 - B Pekerja yang berpengalaman akan melaksanakan kerja dengan lebih baik.
 - C Memperoleh pekerja yang mempunyai ciri-ciri yang bersesuaian dengan jawatan yang diiklankan.
 - D Organisasi boleh menyaring dalam kalangan pemohon yang tidak sesuai sebelum memasuki organisasi.

12. Encik Ramli akan menghadiri sesi temu duga di Klana Resort bagi jawatan *Chef de Partie* pada akhir bulan ini. Beliau diminta oleh Klana Resort untuk membawa segala dokumen yang berkaitan pada sesi temu duga berkenaan.

Pernyataan 2

Berdasarkan pernyataan di atas, manakah antara dokumen berikut tidak perlu dibawa oleh Encik Ramli pada hari temu duga tersebut?

- A Rujukan personel.
 - B Transkrip akademik.
 - C Sejarah kecemerlangan.
 - D Laporan daripada pihak berkuasa.
13. Setelah selesai sesi temu duga, Encik Bakar telah memilih Shaiful untuk mengisi jawatan kosong yang ditawarkan kerana Shaiful berasal dari tempat yang sama dengan beliau. Apakah kesalahan yang telah dilakukan oleh Encik Bakar semasa membuat pemilihan pekerja?
- A Persamaan penemu duga.
 - B Bias tanggapan pertama.
 - C Prasangka peribadi.
 - D Sampel gelagat.
14. Encik Jai merupakan Pengurus Sumber Manusia di Kasut Hitam Sdn. Bhd. Beliau telah menelefon majikan lama Cik Suria untuk mendapatkan maklumat tentang prestasi kerja, jawatan, gaji semasa serta kecekapan teknikal yang dimiliki oleh Cik Suria. Apakah kaedah pemilihan yang telah digunakan oleh Encik Jai?
- A Semakan rujukan.
 - B Kajian latar belakang.
 - C Siasatan majikan semasa.
 - D Rujukan borang permohonan.

15. Maklumat di bawah adalah borang penilaian temu duga.

BORANG PENILAIAN TEMU DUGA

Nama calon:	
Jawatan dipohon:	

1: sangat lemah 2: lemah 3: sederhana 4: baik 5: sangat

Komponen kompetensi calon		1	2	3	4	5
i	Penampilan diri dan perwatakan					
ii	Komunikasi					
iii	Berat dan tinggi tubuh badan					
iv	Pengalaman sekolah					

Borang 1

Berdasarkan borang penilaian di atas, apakah komponen kompetensi calon bagi pegawai tadbir yang tidak perlu ada dalam borang berkenaan?

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D i dan iv

16. Objektif Pusat Sehenti MyFuture Jobs ialah

- A Memperkenalkan perkhidmatan portal PERKESO.
- B Meningkatkan peluang pekerjaan kepada pekerja asing.
- C Memudahkan pendaftaran pekerjaan untuk komuniti bandar.
- D Memberikan sokongan kepada pencari kerja yang memerlukan bantuan seperti mendaftarkan kekosongan jawatan.

17.

Sulaiman menghubungi Abu Bakar yang berkhidmat di sebuah organisasi besar yang menjadi pesaing kepada organisasi Sulaiman dengan tujuan memujuk Abu Bakar untuk memegang jawatan kosong di organisasi tersebut yang menawarkan pakej ganjaran yang lebih memuaskan. Perkara ini seharusnya menjadi rahsia Abu Bakar dan tidak boleh diketahui oleh organisasinya pada peringkat awal. Ini adalah kerana jika Abu Bakar gagal mendapat jawatan tersebut setelah ditemu duga, maka ia akan menjejaskan moral Abu Bakar dan persepsi organisasi beliau.

Pernyataan 3

Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah sumber perekrutan yang sesuai?

- A Pesaing.
- B Rakan sekerja.
- C Organisasi lain.
- D Kenaikan pangkat.

18.

KUALA LUMPUR: Pencari kerja yang menyerbu Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 anjuran Kementerian Sumber Manusia menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang sedang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini teruja dan gembira apabila ramai antara mereka terus ditawarkan bekerja sejurus selesai ditemu duga.

“Sebanyak 70 peratus pekerjaan yang ditawarkan adalah jawatan bukan eksekutif dan 30 peratus lagi eksekutif. Oleh itu, datang beramai-ramai kerana peluang kerja yang ditawarkan adalah adil dan saksama kepada semua Keluarga Malaysia.”


Sumber: sinarharian.com.my, 24 Julai 2022

Petikan 3

Berdasarkan petikan, apakah yang dimaksudkan kerja yang ditawarkan adalah adil dan saksama kepada semua Keluarga Malaysia?

- A Merupakan platform untuk memiliki calon yang layak melalui proses temu duga terbuka.
- B Pihak pencari kerja berpeluang untuk menjalinkan hubungan baik dengan bakal majikan.
- C Usaha bagi menangani isu pengangguran dan jurang yang wujud antara penawaran dan permintaan pekerjaan di negara ini.
- D Peluang kepada pekerja yang sudah ada pengalaman untuk meningkatkan keupayaan, manakala bagi graduan dan pekerja lepasan sekolah ialah untuk mencari kerja.

Soalan 19 dan 20 adalah berdasarkan gambar di bawah.



Gambar 1

19. Berdasarkan gambar di atas, mengapakah majikan tidak mahu mengambil calon yang berusia antara lingkungan 40 hingga 50 tahun ke atas?

- i. Calon yang berumur 40 dan 50 tahun ke atas sering mengalami masalah kesihatan dan beremosi di tempat kerja.
- ii. Golongan berumur kurang produktif dan kurang cekap mengendalikan teknologi.
- iii. Golongan muda lebih mudah dibentuk.
- iv. Golongan berusia menuntut gaji lebih tinggi setimpal dengan usia mereka.

- A i, ii dan iii
B ii, iii dan iv
C i, ii dan iv
D i, iii dan iv

20. Apakah pendekatan yang boleh digunakan oleh pihak kerajaan, majikan dan negara-negara lain dalam mengatasi diskriminasi pekerja yang berusia ini?

- i. Memperkenalkan undang-undang dan menjalankan kempen kesedaran demi mengubah sikap dan persepsi majikan terhadap pekerja berusia.
- ii. Menggunakan kaedah gaji minimum dan kredit cukai pendapatan.
- iii. Kerajaan menggalakkan aktiviti keusahawanan kepada penganggur berusia untuk memulakan perniagaan.
- iv. Melancarkan kempen "Bakat Tidak Mengenal Usia" untuk majikan merekrut pekerja berusia.

- A i, ii dan iii
B ii, iii dan iv
C i, ii dan iv
D i, iii dan iv

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a. Ramai penemu duga percaya mereka mahir tetapi realitinya mungkin sangat berbeza. Apakah kesilapan yang paling biasa dilakukan oleh penemu duga?
(10 markah)
- b. Bincangkan strategi yang boleh digunakan oleh pihak majikan bagi menapis sebarang permohonan jawatan kosong sebelum sesi temu duga.
(20 markah)

SOALAN 2

- a. Puan Lim merupakan seorang pegawai yang bekerja di bawah seliaan Encik Rahman. Beliau bertanggungjawab terhadap kerja-kerja perekrutan pekerja baharu. Beliau sedang mempertimbangkan kaedah yang boleh digunakan untuk mengisi kekosongan jawatan sama ada secara manual atau dalam talian. Anda diminta untuk membantu Puan Lim untuk membuat perbandingan antara sistem pengambilan secara manual dan dalam talian.
(15 markah)

- b. Gambar 2 adalah sebuah iklan jawatan kosong.



Gambar 2

Andaikan anda adalah seorang Pengurus Sumber Manusia di Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Anda telah diminta untuk mengeluarkan iklan jawatan kosong bagi jawatan Pegawai Tadbir. Berdasarkan gambar bina iklan jawatan kosong dengan memastikan iklan berkenaan perlu mengandungi maklumat berikut:

- i. **tiga (3)** spesifikasi kerja
- ii. **empat (4)** deskripsi kerja
- iii. **empat (4)** butiran kerja
- iv. pegawai yang perlu dihubungi
- v. kepala iklan

(15 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT